BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Sorotan Bulanan
Mei 2019

Inflasi keseluruhan tidak berubah pada bulan Mei 2019



- Inflasi keseluruhan kekal 0.2% pada bulan Mei (April: 0.2%) dalam keadaan sumbangan inflasi pengangkutan yang terus negatif.
- Inflasi makanan secara relatif stabil (Mei: 1.2%; April: 1.1%). Beberapa item makanan segar mencatatkan inflasi yang lebih tinggi disebabkan terutamanya oleh keadaan cuaca yang tidak baik.
- Tanpa mengambil kira kesan perubahan dasar cukai penggunaan, inflasi teras[1] tidak berubah pada 1.6%.

[1] *Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir. Pengiraannya juga tidak termasuk anggaran kesan langsung perubahan dasar cukai.*

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

IPI keseluruhan meningkat 4.0% pada bulan April 2019



- Indeks Pengeluaran Industri (*Industrial Production Index, IPI*) keseluruhan terkini mencatatkan kadar pertumbuhan tahunan yang lebih tinggi sebanyak 4.0% pada bulan April (Mac: 3.1%) dalam keadaan semua sektor mencatatkan peningkatan.
- Sektor perkilangan mencatatkan pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 4.3% pada bulan April (Mac: 4.1%) disebabkan oleh peningkatan yang menyeluruh merentas kebanyakan subsektor. Khususnya, pengeluaran produk E&E yang bertambah baik mencatatkan peningkatan semula yang sama dengan negara lain dalam rantaian nilai global seperti Korea dan Taiwan.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pembiayaan bersih terus menyokong aktiviti ekonomi



- Pembiayaan bersih[1] meningkat 6.3% pada bulan Mei (April: 5.1%), didorong terutamanya oleh pertumbuhan bon korporat terkumpul yang lebih tinggi (Mei: 11.1%; April: 6.8%) dalam keadaan pertumbuhan pinjaman terkumpul yang mampan (Mei: 4.6%; April: 4.5%). Terbitan bon yang lebih tinggi pada bulan Mei adalah terutamanya dalam sektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan.
- Jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh sistem perbankan terus stabil (Mei: RM101.5 bn; April: RM101.6 bilion). Jumlah ini adalah ketara lebih tinggi berbanding dengan purata bulanan yang pernah dicatatkan sebanyak RM93.0 bilion. Trend yang positif ini dicatatkan dalam segmen perniagaan dan isi rumah.
- Pinjaman perniagaan terkumpul meningkat 3.4% (April: 3.2%), manakala pertumbuhan pinjaman isi rumah stabil pada 5.3% (April: 5.2%).

[1] *Pembiayaan bersih merujuk pinjaman terkumpul sistem perbankan [kecuali institusi kewangan pembangunan (IKP)] dan bon korporat terkumpul.*

Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi pasaran kewangan domestik bercampur-campur dalam bulan Mei

Prestasi Pasaran Kewangan pada Bulan Mei



- Pasaran kewangan domestik mencatatkan aliran keluar portfolio bukan pemastautin, didorong oleh sentimen pelabur yang berhati-hati dalam keadaan ketegangan perdagangan global yang semakin meruncing. Kesannya, ringgit menyusut nilai 1.5% berbanding dengan dolar Amerika Syarikat, sejajar dengan kebanyakan mata wang serantau (antara -0.5% hingga -2.2%), dan kadar hasil MGS 10 tahun meningkat sebanyak 0.4 mata asas.
- Walau bagaimanapun, FBM KLCI meningkat 0.5%, didorong oleh prestasi perolehan korporat yang kukuh dalam pelbagai sektor. Sentimen pelabur juga disokong oleh prospek pasaran ekuiti Malaysia yang bertambah baik.

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bursa Malaysia

Bank-bank mengekalkan mudah tunai yang mencukupi bagi menyokong aktiviti pengantaraan dan memenuhi keperluan yang mendesak

Nisbah Mudah Tunai Sistem Perbankan dan Pendanaan



- Mudah tunai sistem perbankan kekal mencukupi, dengan nisbah perlindungan mudah tunai (*liquidity coverage ratio, LCR*) pada 155.2%[1] pada bulan Mei (April 2019: 159.9%). Penurunan yang sedikit baru-baru ini adalah disebabkan oleh penempatan yang lebih rendah di Bank Negara Malaysia.
- Profil pendanaan bank kekal stabil. Nisbah pinjaman kepada dana serta nisbah pinjaman kepada dana dan ekuiti masing-masing berada pada 82.2% dan 71.8%.

Sumber: Bank Negara Malaysia

[1] *Basel III LCR dilaksanakan secara berperingkat sejak bulan Jun 2015, dengan pematuhan awal ditetapkan pada 60% dan kenaikan secara beransur-ansur sebanyak 10% setiap tahun sehingga 100% berkuat kuasa 2019. Pada 1 Januari 2019, keperluan minimum ditetapkan pada 100%.*

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

No. Ruj.: 06/19/06

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1500 hari Jumaat, 28 Jun 2019

SOROTAN BULANAN – Mei 2019

Inflasi keseluruhan tidak berubah pada bulan Mei 2019

- Inflasi keseluruhan kekal 0.2% pada bulan Mei (April: 0.2%) dalam keadaan sumbangan inflasi pengangkutan yang terus negatif.
- Inflasi makanan secara relatif stabil (Mei: 1.2%; April: 1.1%). Beberapa item makanan segar mencatatkan inflasi yang lebih tinggi disebabkan terutamanya oleh keadaan cuaca yang tidak baik.
- Tanpa mengambil kira kesan perubahan dasar cukai penggunaan, inflasi teras[1] tidak berubah pada 1.6%.

IPI keseluruhan meningkat 4.0% pada bulan April 2019

- Indeks Pengeluaran Industri (Industrial Production Index, IPI) keseluruhan terkini mencatatkan kadar pertumbuhan tahunan yang lebih tinggi sebanyak 4.0% pada bulan April (Mac: 3.1%) dalam keadaan semua sektor mencatatkan peningkatan.
- Sektor perkilangan mencatatkan pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 4.3% pada bulan April (Mac: 4.1%) disebabkan oleh peningkatan yang menyeluruh merentas kebanyakan subsektor. Khususnya, pengeluaran produk E&E yang bertambah baik mencatatkan peningkatan semula yang sama dengan negara lain dalam rantaian nilai global seperti Korea dan Taiwan.

Pembiayaan bersih terus menyokong aktiviti ekonomi

- Pembiayaan bersih[2] meningkat 6.3% pada bulan Mei (April: 5.1%), didorong terutamanya oleh pertumbuhan bon korporat terkumpul yang lebih tinggi

[1] *Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir. Pengiraannya juga tidak termasuk anggaran kesan langsung perubahan dasar cukai.*

(Mei: 11.1%; April: 6.8%) dalam keadaan pertumbuhan pinjaman terkumpul yang mampan (Mei: 4.6%; April: 4.5%). Terbitan bon yang lebih tinggi pada bulan Mei adalah terutamanya dalam sektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan.

- Jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh sistem perbankan terus stabil (Mei: RM101.5 bn; April: RM101.6 bilion). Jumlah ini adalah ketara lebih tinggi berbanding dengan purata bulanan yang pernah dicatatkan sebanyak RM93.0 bilion. Trend yang positif ini dicatatkan dalam segmen perniagaan dan isi rumah.
- Pinjaman perniagaan terkumpul meningkat 3.4% (April: 3.2%), manakala pertumbuhan pinjaman isi rumah stabil pada 5.3% (April: 5.2%).

Prestasi pasaran kewangan domestik bercampur-campur dalam bulan Mei

- Pasaran kewangan domestik mencatatkan aliran keluar portfolio bukan pemastautin, didorong oleh sentimen pelabur yang berhati-hati dalam keadaan ketegangan perdagangan global yang semakin meruncing. Kesannya, ringgit menyusut nilai 1.5% berbanding dengan dolar Amerika Syarikat, sejajar dengan kebanyakan mata wang serantau (antara -0.5% hingga -2.2%), dan kadar hasil MGS 10 tahun meningkat sebanyak 0.4 mata asas.
- Walau bagaimanapun, FBM KLCI meningkat 0.5%, didorong oleh prestasi perolehan korporat yang kukuh dalam pelbagai sektor. Sentimen pelabur juga disokong oleh prospek pasaran ekuiti Malaysia yang bertambah baik.

Bank-bank mengekalkan mudah tunai yang mencukupi bagi menyokong aktiviti pengantaraan dan memenuhi keperluan yang mendesak

- Mudah tunai sistem perbankan kekal mencukupi, dengan nisbah perlindungan mudah tunai (*liquidity coverage ratio, LCR*) pada 155.2%[3] pada bulan Mei (April 2019: 159.9%). Penurunan yang sedikit baru-baru ini adalah disebabkan oleh penempatan yang lebih rendah di Bank Negara Malaysia.

---

[2] Pembiayaan bersih merujuk pinjaman terkumpul sistem perbankan [kecuali institusi kewangan pembangunan (IKP)] dan bon korporat terkumpul.

[3] Basel III LCR dilaksanakan secara berperingkat sejak bulan Jun 2015, dengan pematuhan awal ditetapkan pada 60% dan kenaikan secara beransur-ansur sebanyak 10% setiap tahun sehingga 100% berkuat kuasa 2019. Pada 1 Januari 2019, keperluan minimum ditetapkan pada 100%.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

- Profil pendanaan bank kekal stabil. Nisbah pinjaman kepada dana serta nisbah pinjaman kepada dana dan ekuiti masing-masing berada pada 82.2% dan 71.8%.

Bank Negara Malaysia

28 Jun 2019

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my